

### Kenyataan Media

## **Kemunafikan Politik Demokrasi Tidak Akan Pernah Berakhir Sehingga Kita Menggantikannya Dengan Politik Islam**

Pada 06/01/2025, rayuan Datuk Seri Najib Tun Razak terhadap kewujudan titah adendum bagi membolehkan beliau menjalani tahanan rumah, telah diterima oleh mahkamah dengan majoriti 2-1. Hakim Mahkamah Rayuan kemudiannya memerintahkan agar kes tersebut dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk permohonan semakan kehakiman Najib didengar oleh hakim yang baru. Titah adendum tersebut, yang merupakan sebahagian daripada proses pengampunan diraja, telah menjadi satu fenomena, yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Dalam masa yang sama, terdapat satu lagi fenomena, iaitu himpunan solidariti yang agak besar, yang diadakan di luar mahkamah, oleh pihak-pihak yang dahulunya merupakan musuh politik bekas Perdana Menteri itu.

Berikutan keputusan mahkamah yang mengesahkan kewujudan titah adendum itu, isu “derhaka” kepada raja dimainkan oleh pembangkang, ditujukan kepada kerajaan yang dikatakan menyorokkan titah tersebut sejak ia dikeluarkan pada 29 Januari 2024. Bagaimana pun, tuduhan pembangkang ini umpama meludah ke langit kerana hakikatnya mereka juga turut mempunyai rekod “derhaka”. Isu titah adendum ini telah menenggelamkan isu sebenar dalam kes. Pembangkang dan pengikut mereka nampaknya sengaja mengabaikan fakta bahawa di bawah sistem demokrasi yang mereka sendiri pegang erat, Najib telah pun terbukti bersalah, bukan sahaja oleh satu Mahkamah, tetapi tiga peringkat mahkamah, dengan melalui sebuah perbicaraan yang sangat panjang, didengar oleh hakim-hakim tertinggi negara, dan diwakili oleh barisan peguam yang hebat. Di sebalik semua ini, bekas Perdana Menteri Malaysia itu diraikan oleh pembangkang dan penyokongnya, sebagai seorang hero hebat yang tidak bersalah.

Wahai kaum Muslimin! Di dalam Islam, sekiranya seseorang itu telah didapati bersalah oleh qadhi (hakim) dan dijatuhkan hukuman, maka tidak ada mana-mana hakim pun yang boleh mendengar semula, merubah atau membatalkan keputusan tersebut. Dengan kata lain, keputusan hakim adalah mengikat dan wajib dilaksanakan sepenuhnya. Tidak kira siapa pesalahnya, samada daripada kalangan rakyat atau pemimpin, yang miskin atau kaya, yang berpengaruh atau tidak, setelah dia didapati bersalah, maka hukuman wajib dilaksanakan. Hatta, seorang Khalifah atau ketua negara sekali pun tidak boleh memberi pengampunan kepada pesalah tersebut. Rasulullah (saw) memperingatkan hal ini dengan cukup tegas:

«إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ

وَأَيْمُ اللَّهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا»

“Sesungguhnya kebinasaan atas umat-umat sebelum kalian, jika orang yang mulia dalam kalangan mereka mencuri, mereka membiarkannya (tidak menghukumnya), akan tetapi jika orang yang rendah dalam kalangan mereka mencuri, mereka memotong tangannya. Demi Dzat yang jiwaku ada dalam genggamannya, seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akan aku potong tangannya” [HR Bukhari].

Hadis ini dengan jelas dan tegas membuktikan bahawa tidak ada dua darjat dalam Islam dan tidak ada pengampunan kepada siapa pun yang melanggar hudud Allah. Inilah hukum syarak dalam isu seperti ini yang seharusnya dilihat dan dipraktikkan. Sekiranya hadis ini dijadikan pegangan, maka tidak akan timbul isu pengampunan atau titah adendum sebagai

“jalan keluar” kepada seseorang pesalah elit, sebagaimana yang menjadi perdebatan sekarang!

Seperkara lagi yang seharusnya dilihat ialah kedudukan seseorang yang pernah memegang jawatan pemerintahan, tetapi tidak menerapkan hukum Allah (swt), apatah lagi dengan jelas menyatakan penolakannya terhadap penerapan *hududullah*, maka kesalahan ini hakikatnya lebih besar daripada kesalahan-kesalahan lainnya, yang mana pemimpin seperti ini seharusnya ditolak, bukannya diraikan. Pemimpin mana pun yang telah diamanahkan oleh Allah (swt) dengan sebuah kekuasaan, tetapi tidak menerapkan hudud-Nya, maka sesungguhnya dia telah derhaka kepada-Nya. Firman-Nya:

﴿ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴾

*"Dan barangsiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar ketentuan-ketentuan-Nya, nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam api neraka, sedang ia kekal di dalamnya; dan baginya seksa yang menghinakan"* [An-Nisa' (4): 14].

Melanggar perintah Allah (swt) dengan tidak menerapkan hukum-hukum-Nya merupakan penderhakaan terbesar yang dilakukan oleh siapa pun yang sedang berada di tampuk kekuasaan, mahu pun yang pernah berada di tampuk kekuasaan. Inilah yang seharusnya dijadikan isu utama oleh umat Islam dalam urusan politik, iaitu kewajiban untuk memuhasabah penguasa yang derhaka kepada Allah (swt). Inilah cara berpolitik yang benar menurut Islam. Sesungguhnya politik (menurut Islam) merupakan pengaturan urusan umat, yang mana bagi penguasa, kewajiban mereka ialah mengatur umat dengan Islam, manakala bagi umat pula, kewajiban mereka ialah melakukan amar makruf nahi mungkar (muhasabah) terhadap penguasa, juga dengan Islam.

Sungguh malang menyaksikan politik kotor berteraskan manfaat yang diamalkan di Malaysia dan di dunia Islam saat ini. Para pemain politik rata-ratanya ialah mereka yang tamakkan kekuasaan sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi meraih takhta, tanpa menghirau halal dan haram, dan tanpa merasa malu dengan sikap hipokrasi mereka. Demokrasi telah mengajar mereka bahawa persahabatan dan permusuhan dalam politik hendaklah berdasarkan kepentingan (manfaat) semata-mata, dan tidak boleh ada 'kawan abadi' mahu pun 'musuh abadi', dan yang wajib ada hanyalah 'kepentingan abadi'.

Wahai kaum Muslimin! Kita telah menyaksikan kemunafikan politik demokrasi sejak sekian lama, dan kita akan terus menyaksikannya selagi kita tidak berusaha merubahnya dengan sungguh-sungguh dan dengan cara yang benar. Politik Malaysia mahu pun dunia Islam akan sentiasa diselimuti kederhakaan kepada Allah (swt), kekotoran dan hipokrasi selagi para pemainnya mengambil demokrasi yang berasal dari Barat, yang jelas lagi nyata bertentangan dengan Islam, sebagai acuan. Kita hendaklah bangkit dengan sebuah kerangka politik transformatif, dipimpin oleh pemimpin yang ikhlas, yang berpegang teguh pada hukum Islam semata-mata. Kami menyeru kalian untuk bersama-sama dengan Hizbut Tahrir melakukan perjuangan politik dengan cara yang benar iaitu cara yang diajar oleh Rasulullah (saw). Ayuh, kita sama-sama menolak sistem Jahiliah (demokrasi) yang penuh dengan kebusukan dan kemunafikan ini, dan berusaha menggantikannya dengan sistem Islam (Khilafah), satu-satunya sistem yang akan menjamin kesejahteraan, kemakmuran dan keredhaan daripada Allah (swt).

**Abdul Hakim Othman**  
**Jurucakap Rasmi Hizbut Tahrir Malaysia**

Laman Web: [mykhilafah.com](http://mykhilafah.com)

Facebook: [Hizbut Tahrir Malaysia](https://www.facebook.com/HizbutTahrirMalaysia)

Emel: [mediaofficehtm@gmail.com](mailto:mediaofficehtm@gmail.com)

Laman Web Rasmi Hizbut Tahrir:

[www.hizb-ut-tahrir.org](http://www.hizb-ut-tahrir.org)

Laman Web Pejabat Media Hizbut Tahrir:

[www.hizb-ut-tahrir.info](http://www.hizb-ut-tahrir.info)